

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 JUN 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Program transformasi negara bantu Malaysia muncul negara maju – Dr. Zulkifli	Bernamea.com
2	Makmal uji sampel coklat patuh syarat	Berita Harian
3	Dept creating national standard to test for porcine DNA	The Star
4	MPOB menang 32 pingat, pavilion pameran terbaik ITEX	Berita Harian
5	Ujian makmal JAKIM ikut piawaian antarabangsa – Jabatan Standard	Bernamea.com
6	Usah pertikai keputusan JAKIM	Harian Metro
7	Polis sahkan mayat ditemui di Pulau Tioman adalah Huntley	Bernamea.com



Program Transformasi Negara Bantu Malaysia Muncul Negara Maju - Dr Zulkifli

Oleh Wan Asmanizan Wan Ahmad Najib

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Malaysia telah menetapkan matlamat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, didorong dan dipacu inovasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan menerusi pelbagai program transformasi, kata [Dr Zulkifli Mohamed Hashim](#).

Dalam mencapai hasrat ini, [Timbalan Ketua Setiausaha \(Sains\) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) itu berkata peranan teknologi dan inovasi dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara menjadi semakin kritikal dan relevan.

Beliau berkata demikian pada majlis penutupan Kongres Kejuruteraan, Sains dan Teknologi Dunia (ESTCON) 2014, anjuran Universiti Teknologi Petronas di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di ibu negara, Khamis.

Zulkifli berkata tema 'Kejuruteraan, Sains, Teknologi dan Kemanusiaan: Penumpuan Untuk Masa Depan Mampan' adalah tema yang sesuai sejak segala-galanya yang telah dilakukan atau akan dilakukan pada masa depan perlu memberi fokus kepada usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Beliau berkata 2014 diiktiraf sebagai tahun pengkomersilan untuk MOSTI dan tema yang dipilih adalah sejajar dengan objektif kementerian itu.

Persidangan tiga hari itu menghimpunkan ahli akademik, penyelidik, saintis, jurutera, kumpulan berkepentingan dan pakar industri dari lebih 40 negara dengan 1,000 kertas penyelidikan dibentangkan.

-- BERNAMA

Makmal uji sampel coklat patuh syarat

» Jabatan Standard iktiraf prosedur digunakan JAKIM ikut piawaian dunia

► Kuala Lumpur

Makmal yang digunakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menguji dua contoh coklat Cadbury yang didapati bebas daripada DNA babi (porcine), diiktiraf Jabatan Standard dan mematuhi piawaian antarabangsa.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Fadilah Baharin, berkata orang ramai tidak perlu kluatir dengan keputusan itu kerana prosedur yang digunakan untuk menganalisis dua jenis coklat berkenaan mempunyai piawaian MS ISO/IEC 17025.

“Makmal Jabatan Kimia memang mendapat pengiktirafan daripada jabatan kami bagi pengujian DNA, termasuk pengujian produk makanan diproses.

Yakin keputusan tepat

“Apabila ujian ke atas dua jenis coklat mendapati tiada DNA itu, saya yakin keputusan itu adalah tepat dan rasmi, malah ia seharusnya tidak menimbulkan konflik,” katanya kepada Bernama, semalam.

Piawaian antarabangsa MS ISO/IEC 17025 menetapkan proses ujian terhadap DNA hanya boleh dilakukan di dalam makmal khas yang mempunyai kompetensi standard seperti kakitangan yang terlatih, peralatan yang ditentu ukur dan pendokumentasian yang sempurna.

Ada 18 makmal lain yang turut mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia untuk melakukan pengujian DNA babi dan senarai

makmal itu boleh diperoleh dengan melayari alamat www.standardsmalaysia.gov.my.

Kementerian Kesihatan (KKM) pada 24 Mei lalu mengeluarkan kenyataan ia mengesahkan DNA babi dalam coklat susu dan kacang Hazel serta coklat susu dan badam bagi kelompok produk itu bertariikh luput 13 November 2014 dan 15 Januari 2015.

Isnin lalu, JAKIM mengesahkan dua sampel produk coklat berkenaan yang diambil terus dari kilang syarikat itu tidak mengandungi DNA babi selepas melakukan ujian sampel di makmal Jabatan Kimia.

Standard kesan DNA babi

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya kini dalam usaha mewujudkan satu standard kebangsaan mengenai kaedah ujian bagi mengesan kehadiran DNA babi mengikut metodologi yang seragam, yang mungkin dinamakan ‘Malaysi-



Fadilah Baharin

an Standard: Test Method for the Detection of Porcine-Based DNA’.

Katanya, standard itu dijangka siap dan diumumkan tahun hadapan sebagai garis panduan dan teknik bagi menganalisis DNA babi dengan lebih teratur.

“Kami dalam proses itu tetapi isu ini (Cadbury) meletup sebelum saya boleh umumkan perkara itu. Kalau standard ini dapat dilaksanakan, ia akan menjadi yang pertama di dunia mempunyai garis panduan untuk menganalisis DNA babi dan saya yakin isu berbeza pendapat mengenai cara setengah pihak melakukan analisis DNA tidak akan timbul,” katanya. **BERNAMA**

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 07 JUN 2014 (SABTU)

Dept creating national standard to test for porcine DNA

KUALA LUMPUR: The Department of Standards is working to create a national standard on the test methods to detect porcine DNA.

When implemented, this standard will be the first in the world with guidelines for analysing pig DNA, said its director-general **Fadilah Baharin**.

She said the standard might be named "Malaysian Standard: Test Method for the Detection of Porcine Based DNA".

"The standard which would be ready next year are guidelines and

techniques for proper analysing of porcine DNA.

"As such, I am confident that the issue of different views on DNA analysis will not arise," she added.

She said the department was already in the process of announcing the standard when the issue of porcine DNA in Cadbury chocolates exploded into a major issue.

On May 24, the Ministry of Health issued a statement it had detected porcine DNA in Cadbury dairy milk chocolate flavours hazelnut dairy milk chocolate and almond dairy

milk chocolate for batches with Nov 13, 2014 and Jan 15, 2015 expiry date.

On Monday, Malaysian Islamic Development Department (Jakim) confirmed that the two samples of chocolate products taken directly from the company's factory did not contain porcine DNA after testing the samples in the Chemistry Department laboratory.

Fadilah said laboratory test results conducted by Jakim on the two samples of Cadbury chocolate found free from porcine DNA was

in accordance with international standards.

She said the public should not be concerned with the decision that the products were halal as the procedures used to analyse the two types of chocolate had MS ISO/IEC 17025.

"The Chemistry Department laboratory received the recognition of our department for DNA testing, including testing of processed food products.

"When tests on the two types of chocolate found no such DNA, I

believe it is the right decision and should not create conflict," she said.

International standard states that DNA testing can only be done in special laboratories that have high competency standard such as trained personnel, calibrated equipment and proper documentation.

Eighteen other laboratories received accreditation from the Department of Standards to conduct porcine DNA test and the list can be accessed at www.standardsmalaysia.gov.my. — Bernama

KERATAN AKHBAR BERITA HARIAN: MUKA SURAT 4 TARIKH: 07 JUN 2014 (SABTU)

4 MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

7 JUN 2014 @ SABTU

BH



Datuk Dr Choo Yuen May (lima dari kanan) bersama penyelidik MPOB yang memenangi pingat emas di Majlis Penyampaian Anugerah dan Pingat pada Malam Budaya Cipta ITECH 2014.

MPOB menang 32 pingat, pavilion pameran terbaik ITECH

» Peluang usahawan, peserta teroka aspek komersial

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mjob.gov.my

Kuala Lumpur

MPOB mencatat sejarah apabila semua 32 teknologi yang menyertai pertandingan sempena Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa kali ke-25 (ITECH 2014) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini berjaya memenangi kesemua pingat dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan.

32 pingat yang dimenangi itu adalah 17 pingat emas, 14 pingat perak dan satu pingat gangsa. Pencapaian 17 pingat emas itu adalah yang terbesar dicapai setakat ini bagi MPOB sejak menyertai ITECH yang diadakan pada setiap tahun itu lebih 10 lalu.

Selain itu, penyelidik MPOB iaitu Dr Idris Abu Seman turut memenangi Anugerah Emas 'Malaysia Innovative Product' bagi produk hasil reka ciptanya yang bertajuk 'Commercial Production of EMBIO Actinoplus Powder for Controlling Ganoderma Disease in Oil Palm'.

Manakala Dr Ridzuan Ramli pula turut memenangi Anugerah 'Malaysia Innovative Product' bagi produk hasil rekaannya yang bertajuk 'Oil Palm Eco Sound Deadenng for Automotive'.

Pemenang setiap kategori dipilih berdasarkan beberapa kriteria tertentu seperti penghasilan penyelidikan yang baru, keaslian inovasi, keberkesanan ciptaan dan beberapa aspek lain yang memenuhi syarat yang ditetapkan.

MPOB juga memenangi anugerah pavilion pameran terbaik pada ITECH kali ke-25 ini.

ITECH 2014 berlangsung selama 3 hari bermula 8 hingga 10 Mei 2014 itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohd Diah.

Kemegahan besar

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May ketika dihubungi BH, berkata beliau gembira dengan kemenangan besar yang diraih itu kerana beliau sering menggalakkan penyelidik MPOB menyertai pertandingan inovasi dan reka cipta peringkat antarabangsa bagi menimba pengalaman.

"Menerusi penyertaan dalam

pertandingan reka cipta seumpama ini, MPOB berpeluang memamerkan inovasi dan hasil terbaru penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh MPOB. Menang atau tidak bukan keutamaan MPOB kerana apa yang penting, penyelidik kami mempunyai semangat untuk bersaing. Ia memberi motivasi kepada mereka lebih gigit berusaha.

"Penyertaan dalam pameran ini juga memberi peluang kepada usahawan dan peserta industri untuk melihat sendiri dan meneroka aspek pengkomersialan bagi teknologi dan produk yang dihasilkan itu. Pada masa ini, MPOB mencatatkan kadar pengkomersialan yang konsisten setiap tahun iaitu sekitar 30 peratus. Ini bermakna, daripada 10 inovasi yang dicipta penyelidik kami, tiga daripadanya mendapat perhatian industri untuk dikomersialkan," katanya sambil menyifatkan pengkomersialan yang dijalankan membawa banyak manfaat kepada industri, komuniti dan masyarakat.

Datuk Dr Choo Yuen May berkata, MPOB akan turut menyertai ITECH pada tahun hadapan dan mengasaskan sebanyak 30 teknologi akan dihantar menyertainya.

SENARAI PEMENANG PAMERAN REKA CIPTA, INOVASI DAN TEKNOLOGI ANTARABANGSA (ITECH 2014) PADA 8 - MEI 2014 DI KLCC

AGRICULTURE		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD	DR RAJINDER SINGH, LESLIE LOW ENG TI, LESLIE CHENG LI, MELINA ONG HONG HUI, BALANISU HOSAINI, RAJESWAR SAKBANTHAMURTHI, STEVEN W. SMITH, NATHAN LAKEY, KOC MATTHEWSACK, JAYED CHOWAY, MICHAEL HOSAINI	SUBSTRATE SHELL - A DIAGNOSTIC ASSAY TO PREDICT OIL PALM FRUIT FORMS
GOLD	DR ISMAIL, AB BAKAR, NIE SHI-KI, DR HAZIMAH BT ABU HASAN	PALM OIL - OIL HYDROLYSE (SOPHOCLE) (PA) HESPERIDIOS FORMULATED WITH PALM OIL AS ADJUVANT
GOLD	DR S. RAJESWAR, DR TAN YEW AI, DR KALYANA SUNDARAM, DR SYED FARUQ SYED ABU BAKAR, DR LEOW BOON SEH, CHE ANSARA CHE CHEN, DR NAGENDRAN BALAKRISHNAN, DATUK DR CHOO YUEN MAY	IMPROVED PROCESS FOR HARVESTING OIL PALM FRUITCLUSTERS
GOLD	ABDUL RAZAK JELAN, MOHD MIWA, MUFD AZAMAH, ABD RAHMAN SYUHE, ABNULRAHMAN MOHAMMED, MOHAMMAD FAUZI ISMAIL, DR. JUSUS ABU SEMAN	TRACTOR MOUNTED TRUNK INJECTOR (TMI) FOR PEST AND DISEASE CONTROL
GOLD	DR ONG ABU SEMAN, SHARIFAH MUDAHAR SYED ARIFAH, DR AHMAD KUSAIRI DIN, DR NORHANA KAMARUDIN, MOHAMMAD AHMAD ZAKARI, DR HASRAN KHALI, CHE CHOI	COMMERCIAL PRODUCTION OF EMBIO ACTINOPUS POWDER FOR CONTROLLING GANODERMA DISEASE IN OIL PALM
GOLD	ABD RAHMAN SYUHE, MOHD RAMDHAN MOHD SHALEH, ABNULRAHMAN MOHAMMED, @ BRAHMAN, NORHAI BALEH	OIL PALM LEAFY FRUITS COLLECTING MACHINE
GOLD	DR MELINA ONG ABDULLAH, DR OOI SEW ENG, DR LESLIE LOW ENG TI, CHAN POO-LAN, LESLIE CHENG LI, FIDAH GHAFER, FAZLIN KADRI, DR RAJINDER SINGH	1 ST GENERATION EMBIOVIGORIC MARKERS (EM) FOR TORQUE CULTURE AMENITY STUDY
GOLD	DR S. RAJESWAR, DR TAN YEW AI, DR KALYANA SUNDARAM, DR SYED FARUQ SYED ABU BAKAR, DR LEOW BOON SEH, DR NG HO JOO HAN, DATUK DR CHOO YUEN MAY	SHOOTING ACCIDENT FROM OIL PALM
SILVER	DR MELINA ONG ABDULLAH, DR JAYED CHOWAY, DR ARIFF SUBRMANI BLAIR, BACHER, DR NAW JANG, NATHAN LAKEY, DR OOI SEW ENG, STEVEN SMITH, KACIM HOSAINI, DR JAMES TRINING, RAJESH, JAYED CHOWAY, SAMUEL, KAPRI, NOLLI, SAKHITHI RAJAS, DR SYED DIN AHMEDUDIN, DR SULTAN, YASIR, BERKHALE, BALAJI, BOO AHMED	SUBSTRATE METHYL CONTROL ASSAY FOR DETECTION QUANTIFICATION OF OIL PALM
SILVER	NAFISUL HAYATUN, DR AFTAB AHMED, AZEE, MOFANID MASRAT	VERSACOMPACT FROM OIL PALM BROWN AS BIODEGRADABLE FOR OIL PALM SEEDLING
SILVER	MURHALLA, BALAJI, B. RAJANANDI, MOHD DR AMRUDIN, A. FUSHRUDIN, MOH AMBIL, MOHDIE ABULLAN, ZUAWATI, YANUAR, RAJENDRAN SINGH, MOHD DR ZAKRI, ABEN, MELINA ONG ABDULLAH	PS-1 CHERRY OIL PALM
SILVER	DR ABDUL MAJID DR AHMAD FARVEZ QHULAM YAZID, DR RAJESWAR SAKBANTHAMURTHI	REGENERATION OF URABLE OIL PALM PLANTS FROM PROTOPLAST DERIVED FROM OIL PALM SUSPENSION CULTURES
AUTOMOTIVE AND TRANSPORTATION		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD	DR REDUAN RAULI, ROSITA MOHAMMAD HALIM, NASRIN ABU BAKAR, DR ASTHAR AHMED, AZEE, CHOWAY, BRAHMAN	OIL PALM ECO SOUND DEADENING FOR AUTOMOTIVE
BIOTECHNOLOGY, HEALTH AND FITNESS		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD	DR AHMAD FARVEZ QHULAM YAZID, MOHD NOLLI YUNUS	MPOB MODIFIED VESSEL, MPOB, MPOB-100 FOR LIQUID TISSUE CULTURE SYSTEM
GOLD	DR BASKARAN MAY SARI, RAJAFAN ABD HAMEE, TENG KIM TU	SECURE (RED OLEIN DRINK)
SILVER	DR MOON PHOOY-TEE, SELLA HEE THO, DR BASKARAN MAY SARI, DR LIM HUI HEE, PROF DR LAI SHIMING, PROF DR TAN CHIN PENG	HYPHENASE - A HIGH LYOPHILIC ANTIDEBAYTS MOBILE
SILVER	MOHD. FIDALIS OTMAN	PALM PROTEIN DEGRADABLE AGAR
SILVER	RAJAFAN ABD HAMEE	PALM-BASED VEGETARIAN BUDGET
CHEMICALS		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD	DR ASTHAR AHMED, AZEE, ROSHAN MFT BOOH, WAN HASANUDIN WAN HASAN, HANIS NOVE DE DR. SHI, LAY WENS SOON, DATUK DR CHOO YUEN MAY	PRODUCTION OF CELLULOSE AND ITS DERIVATIVES FROM OIL PALM BROWN
GOLD	DR RAJESH BT BRAHMAN, YOSH CHEE BOON, FARAH KHUSULAN BT AHMAD MUSTAMIL, NALIN BT SULAIMAN, NIK SAKHA KHATUN BT AHMEDUDIN	GREEN TECHNIQUE FOR EXTRACTION OF REDDISH CALOPHYTOS IN OIL PALM
ENVIRONMENTAL AND RENEWABLE ENERGY		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD	DR ULATA SUBRAMANIAM, MOU MENON, CHOO YUEN MAY, HELM DR BENDILAN	WASTE TO WEALTH - AN ENVIRONMENT FRIENDLY, REDDIBLE, OIL RECOVERY PALM SYSTEM
SILVER	TUAN MOHD RAJESH TUN UMMA, MOHD NORHISHAM BATTAR, NOLLI AN WAZAR, MOHDELA DEVI POND PALANI, BRAHMAN ANNA, NAWMATI MOHD MOHD, YONG SHOOT KIM, HAZIMAH ABU HASAN	WASTE TO WEALTH - USED PIPING OIL FOR POLYURETHANE
ICT AND MULTIMEDIA		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
SILVER	MURHAYATI MO FANSHI, NASHIR MOHD ZAKI, SITI SOBRIYAH BALI, NORUL AN ABU WAHID, CHE NORSHAH DAT YAZ, MOHAMMAD MOHAMMAD TAN, ABRAHAM ABRAHAM, SUFI HAZILA AED, WAHID MOHD AZIM ISMAIL, MOHD NAWAZI, MOHD FARID MASRAN	MPOB GOES ON-LINE
SILVER	MURAZLINA ABD HAMEE, MOHAMMAD NOR ABIDAL, BAHAMM, AZEEN LOORHAM, MOHD ANWAR ZAKARIA, MOHD SOFI HANIS, MOHTAZALIA SAMUEL, ADIN RAJAH, HAZIMAH ANWAR, MOHD HANIS NG, SUE, NORHANA FUSQI, MOHD FAREEL, MOHD DR. ABITA TABI	EPANADAT
SILVER	DR. MOHD DR AMRUDIN, DR. RAJESWAR MOHAMMAD, DR AHMAD KUSAIRI DIN, MURHALLA, MASRAN, MOHAMMAD RAJESH	MPOB BREEDING INFORMATION SYSTEM (MPOB-BIS)
MACHINES AND EQUIPMENT		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD	NOH YIA MOHAMMAD HALIM, DR HODGUA RAJUL, NASRIN ABU BAKAR, HASLIYANNI ALIAS, DATUK DR CHOO YUEN MAY	NEW EYE-FLIGHT DISCHARGE FROM BURNING RECOVERY PLANT USING 5 STAGE WINDING COLUMN
MANUFACTURING PROCESS		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD	SUEHNA ABD. MURAD, DR ZAKARIA OTHMAN, MOHD AZEERAH ABAS, DR HAZIMAH ABU HASAN, MOHAMMAD ISMAIL, PUAAT SAKAR, AZMAN RAFFI	5, 6-HYDROXY-2-HEXANOIC ACID FROM PALM OIL SCALE UP PURIFICATION PROCESS
MATERIALS		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
SILVER	ZAKARIA BRAHMAN DR ANAS MOHTAR, DR. ASTHAR AHMED, AZEE, DR RODRIGUE RAJUL, DR TAN DR CHOO YUEN MAY, DR SUEO LEE, MOHAMMAD ANWAR, AHMAD ZULAZIM TAAHAR	UTILIZATION OF OIL PALM TRUNK (OPT) FOR THE PRODUCTION OF AERIAL DENSITY FIBREBRAND (AFB)
SILVER	MOSDELA DEVI POND PALANI, HAZIMAH ABU HASAN, TUN NORUL AN HAZIMAH, NAWMATI MOHD, MOHD. NORHISHAM BATTAR, NOLLI, AN WAZAR, NAWMATI MOHD, MOHD. BRAHMAN ANAM	MOODAT-GREEN COATING FOR CONTROLLED RELEASE FERTILISERS
SILVER	NORHIZABAH ABUL, WILDA ABUL, AZEE, ZULHA ABU MURAD, ZAKARIA OTHMAN, MOHD SHOOT KIM, HAZIMAH ABU HASAN	BIOTRANSFORMATION CATALYSTS FOR OLICOLOURAL PROCESSES
BRONZE	WAN NORHANA WAN MOHAMMAD, MOHD SEZARUDIN YAPIS	MPOB-QPM AS AN ALTERNATIVE FEED INGREDIENT IN ANIMAL FEED
PERSONAL-CARE PRODUCTS		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD	DR LIM WEN HEE, ANNA DON	PALM-BASED MASSAGE CANDLE - A GOLDEN OIL THAT MAKES YOU FEEL GOOD
SPECIAL AWARD		
AWARD	INVENTORS	INVENTION
GOLD - MALAYSIA INNOVATIVE PRODUCT	DR SYED ABU SEMAN, SHARIFAH MUDAHAR SYED ARIFAH, DR AHMAD KUSAIRI DIN, DR NORHANA KAMARUDIN, MOHAMMAD AHMAD ZAKARI, DR HASRAN KHALI, CHE CHOI	COMMERCIAL PRODUCTION OF EMBIO ACTINOPUS POWDER FOR CONTROLLING GANODERMA DISEASE IN OIL PALM
MALAYSIA INNOVATIVE PRODUCT	DR RODRIGUE RAJUL, MOHAMED MOHAMMAD, NASRIN ABU BAKAR, DR AFTAB AHMED, AZEE, ZAKARI, BRAHMAN	OIL PALM ECO SOUND DEADENING FOR AUTOMOTIVE
		"BEST BOOTH DESIGN"
		MPOB



Ujian Makmal Jakim Ikut Piawaian Antarabangsa - Jabatan Standard

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Makmal yang digunakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk menguji dua contoh coklat Cadbury yang didapati bebas daripada DNA babi (Porcine), diiktiraf **Jabatan Standard** dan proses dapatannya mengikut piawaian antarabangsa.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Fadilah Baharin berkata orang ramai tidak perlu khuatir dengan keputusan itu yang menyatakan produk berkenaan adalah halal kerana prosedur yang diguna pakai untuk menganalisis dua jenis coklat berkenaan mempunyai piawaian MS ISO/IEC 17025.

"Makmal **Jabatan Kimia** memang mendapat pengiktirafan daripada jabatan kami bagi pengujian DNA termasuk pengujian produk makanan diproses.

"Apabila ujian ke atas dua jenis coklat mendapati tiada DNA tersebut, maka saya yakin keputusan itu adalah tepat dan rasmi, malah ia seharusnya tidak menimbulkan konflik," katanya kepada Bernama di sini Jumaat.

Piawaian antarabangsa MS ISO/IEC 17025 menetapkan proses ujian terhadap DNA hanya boleh dilakukan di dalam makmal khas yang mempunyai kompetensi standard seperti kakitangan yang terlatih, peralatan yang ditentu ukur dan pendokumentasian yang sempurna.

Terdapat 18 makmal lain yang turut mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia untuk melakukan pengujian DNA babi dan senarai makmal itu boleh diperolehi dengan melayari alamat www.standardsmalaysia.gov.my.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 24 Mei lepas mengeluarkan kenyataan bahawa ia telah mengesan DNA babi dalam coklat susu dan kacang Hazel serta coklat susu dan badam bagi kelompok produk itu bertarikh luput 13 Nov 2014 dan kelompok bertarikh luput 15 Jan 2015.

Pada Isnin lepas Jakim mengesahkan dua sampel produk coklat berkenaan yang diambil terus dari kilang syarikat itu disahkan tidak mengandungi DNA babi selepas melakukan ujian sampel di makmal Jabatan Kimia.

Dalam pada itu, beliau berkata pihaknya kini dalam usaha mewujudkan satu standard kebangsaan (Malaysian Standard) mengenai kaedah ujian bagi mengesan kehadiran DNA babi mengikut metodologi yang seragam; mungkin akan dinamakan 'Malaysian Standard: Test Method for the Detection of Porcine-Based DNA'.

Katanya standard itu dijangka siap dan diumumkan tahun hadapan sebagai garis panduan dan teknik bagi menganalisis DNA babi dengan lebih teratur.

"Kami dalam proses itu tetapi isu ini (Cadbury) meletup sebelum saya boleh umumkan perkara itu.

"Kalau standard ini dapat dilaksanakan, ia akan menjadi yang pertama di dunia mempunyai garis panduan untuk menganalisis DNA babi dan saya yakin isu berbeza pendapat mengenai cara sesetengah pihak melakukan analisis DNA tidak akan timbul," katanya.

-- BERNAMA

SUSULAN ISU COKLAT CADBURY

Usah pertikai keputusan JAKIM

Oleh Amran Yahya
Gambar Amran Yahya
Kuala Pilah

"Masyarakat di negara ini tidak seharusnya mempertikaikan ke-

putusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berhubung isu coklat Cadbury yang didakwa mengandungi DNA babi.

"Ini kerana keputusan terbaru itu diperolehi hasil kajian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi makmal Jabatan Kimia," kata Yang Dipertua Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Negeri Sembilan Sazali Ismail.

Beliau meminta masyarakat di negara ini tidak terus memperbesarkan isu coklat Cadbury yang didakwa masih mengandungi

DNA babi.

Katanya, orang ramai terutama umat Islam perlu memberi sokongan kepada JAKIM kerana jabatan itu adalah badan yang bertanggungjawab terhadap kemajuan dan pembangunan Islam sejagat.

"Keputusan halal diumumkan

baru-baru ini diharapkan memuaskan hati semua pihak kerana apa yang berlaku selepas ini, JAKIM yang bertanggungjawab"

Sazali Ismail

"Sebelum sesuatu keputusan dibuat, sudah tentu JAKIM membuat kajian dan penilaian mereka. "Sehubungan itu, keputusan halal diumumkan baru-baru ini diharapkan memuaskan hati semua pihak kerana apa yang berlaku selepas ini, JAKIM yang bertanggungjawab," katanya selepas merasmikan Mesyuarat

Agung Kali Ke-9, Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Cawangan Juasseh di Balai Raya Padang Lebar, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Ketua PBTM Cawangan Juasseh Leftenan Kolonel (B)



SAZALI (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Azam di Balai Raya Padang Lebar.

Mohd Nasir Abd Hadi.

Sazali berkata, bagi mereka yang masih meragui kenyataan JAKIM berkenaan isu halal, ia terpulang hak peribadi untuk terus membeli produk itu atau sebaliknya.

Dalam mesyuarat itu, Sazali turut menyampaikan sumbangan kepada enam anak ahli PBTM Cawangan Juasseh yang meraih keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Mene-

ngah Rendah (PMR) tahun lalu.

Selain itu sumbangan turut disampaikan kepada seorang bekas anggota tentera, Azam Abu, 40 yang menghadapi penyakit ketumbuhan dalam otak.



Polis Sahkan Mayat Ditemui Di Pulau Tioman Adalah Huntley

KUANTAN, 7 Jun (Bernama) -- Mayat seorang lelaki yang ditemui di Sungai Mentawak dekat Chalet Lagoon, Kampung Juara, Pulau Tioman, Rabu lepas disahkan adalah Gareth David Huntley, 34, yang dilapor hilang di kawasan air terjun Lubuk Teja sejak 27 Mei lepas.

Ketua Polis Pahang Datuk Sharifuddin Ab Ghani berkata pengesahan itu berdasarkan keputusan dan interpretasi DNA oleh pegawai sains [Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya](#).

"Setelah perbandingan dibuat ke atas profil DNA yang diperolehi, didapati bahawa penderma spesimen darah Janet Southwell adalah ibu kandung kepada penderma tulang mayat yang dijumpai.

"Kebarangkalian materniti adalah 99.9999 peratus dikira berdasarkan kepada pangkalan data STR penduduk Malaysia yang berketurunan Melayu, Cina dan India.

"Ini bermakna mayat yang dijumpai (Rabu lepas) adalah Gareth David Huntley," demikian menurut khidmat pesanan ringkas (SMS) beliau kepada pemberita hari Sabtu.

Sharifuddin bagaimanapun tidak menyatakan punca kematian mangsa.

Warga Britain itu, yang merupakan sukarelawan Pusat Perlindungan Penyu Kampung Juara, Pulau Tioman dilapor hilang pada 27 Mei lepas ketika dikatakan mahu ke Air Terjun Lubuk Teja berseorangan.

Huntley kemudian didapati tidak pulang sebelum rakan dan beberapa penduduk kampung keluar mencari beliau di kawasan hutan berhampiran air terjun itu sebelum laporan polis berhubung kehilangannya dibuat pada 29 Mei.

Pada 4 Jun, pasukan mencari dan menyelamat menemui satu mayat seorang lelaki yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri di Sungai Mentawak dekat Chalet Lagoon, Kampung Juara.

Mayat yang dipercayai milik Huntley itu dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan untuk bedah siasat pada Khamis lepas dan sampel darah Southwell diambil bagi tujuan pepadanan DNA.

-- BERNAMA